



“PENGHINAAN TERHADAP ISLAM”

(14 Februari 2020/ 20 Jamadilakhir 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَقَدْ اسْتَهْزَيْ بِرُسُلِي مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ
مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan lebih-lebih lagi kepada diri
saya sendiri, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT

dengan sebenar-benar takwa. Ketahuilah bahawa sesungguhnya tidak ada sesuatu yang lebih tinggi nilainya di sisi Allah SWT selain dari ketakwaan kepada-Nya. Mudah-mudahan kita akan mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“PENGHINAAN TERHADAP ISLAM”**.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi,

Pada kesempatan kali ini, marilah kita merenung tentang amaran Allah mengenai suasana yang telah dan akan menimpa umat Islam dari dulu, kini dan selamanya. Penghinaan terhadap para rasul, penindasan terhadap umat Islam seperti di Palestin, Ughyur, Kashmir, dan beberapa negara teluk akan sentiasa berlaku dari semasa ke semasa. Jika kita di sini hidup dalam keadaan aman damai, di negara Islam yang lain, umat Islam hidup dalam keadaan sengsara kerana terus menerus ditindas oleh pihak tertentu.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Kepentingan Islam wajib didahulukan melebihi kepentingan bangsa, kepentingan parti, apatah lagi kepentingan peribadi. Janganlah kita terus bercakaran sesama sendiri. Punca bagi kelemahan umat Islam pada hari ini telah pun disebut oleh baginda rasulullah SAW sebagaimana sabda baginda:

يُوشِكُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ الْأُمَمُ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا،
فَقَالَ قَائِلٌ: أَوْ مِنْ قِلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ؟ بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ، وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ
كَغُثَاءِ السَّيْلِ، وَسَيَنْزَعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ وَلَيَقْدِفَنَّ
اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ. قَالَ قَائِلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا الْوَهْنُ؟ قَالَ:
حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ. (رواه البيهقي)

Maksudnya: “Hampir tiba zamannya manusia mengerumuni kamu seperti mana lahapnya mereka yang mengerumuni makanan. Ada sahabat yang bertanya: Apakah kerana sedikitnya jumlah kita pada masa itu? Baginda bersabda: Bahkan jumlah kalian pada masa itu banyak. Tetapi kalian pada saat itu bagaikan buah yang hanyut dan

*Allah akan mencabut dari dada-dada musuh kalian (rasa) ketakutan kepada kamu, dan dia akan memasukkan ke dalam hati-hati kamu **al-wahan**, lalu sahabat bertanya; Ya Rasulullah, apakah al-wahan itu? Baginda bersabda: “**Cinta dunia dan takut mati**”.
(riwayat Baihaqi)*

Sidang Jumaat Sekalian,

Pelbagai reaksi yang kita lihat lahir daripada umat Islam seluruh dunia apabila berlakunya penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW dan terhadap agama Islam dan umatnya. Hakikatnya, penghinaan seperti ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana permusuhan orang musyrikin terhadap umat Islam sememangnya didedahkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Ma'idah ayat 82:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ
أَشْرَكُوا...^{طه}

Maksudnya: “*Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhanannya kepada orang yang beriman ialah orang Yahudi dan orang Musyrik...*”

Sidang Jumaat Sekalian,

Penghinaan terhadap agama Islam dan umatnya bukan sahaja berlaku pada masa kini, malah fenomena sedemikian telah berlaku terus menerus sejak zaman silam lagi. Sasaran penghinaan ini termasuk ajaran-ajaran Islam itu sendiri dan tidak kurang pula yang ditujukan kepada peribadi Rasulullah SAW.

Yang lebih menyedihkan situasi ini bukan semata-mata disebabkan oleh permusuhan pihak-pihak tertentu terhadap Islam,

malah ditambah lagi dengan sikap umat Islam sendiri yang membuka ruang kepada musuh untuk berbuat demikian.

Musuh sentiasa melihat dan mengkaji tahap kepekaan umat Islam dari semasa ke semasa, sehinggalah mereka kini amat yakin bahawa walaupun sebahagian umat Islam akan marah, memprotes dan sebagainya, namun sebahagian besarnya hanya melihat dan mengeluh tanpa mengambil sebarang tindakan. Malah dari semasa ke semasa sebahagian dari umat Islam dan cerdik pandai Islam juga turut melakukan penghinaan yang sama.

Sidang Jumaat Sekalian,

Musuh-musuh Islam begitu hebat dan bekerjasama dalam melakukan segala usaha merosakkan akidah umat Islam. Media Massa dan dunia perfileman mereka sering digunakan untuk menyebarkan propaganda agama dan cara hidup mereka di samping membangkitkan kebencian terhadap Islam. Malangnya media dan dunia perfileman kita hanya membuai dan menambah

rasa cinta terhadap dunia dan harta benda. Filem-filem keluaran negara terlalu sedikit yang mengaitkannya dengan asas agama malah jika ada pun hanya menambahkan kebencian masyarakat dengan cara hidup beragama. Golongan yang mendekati diri dengan agama sering digambarkan sebagai manusia yang berfikiran kolot dan menjadi penghalang kepada kemajuan.

Sidang Jumaat Sekalian,

Kegilaan dan kebodohan dunia semakin ketara sejak akhir-akhir ini akibat pemikiran yang amat bercelaru. Atas nama kebebasan dan hak asasi, dunia diperbodohkan untuk menerima apa sahaja yang dibawa oleh orang kafir. Di negara ini pun, pemikiran ini sedang parah menyerang, semata-mata untuk membolehkan mereka melampiaskan segala tuntutan nafsu kebinatangan mereka.

Atas nama hak asasi mereka menuntut kebebasan melakukan apa sahaja tanpa ada sekatan undang-undang dan akhlak. Atas nama kebebasan bersuara mereka mahukan kebebasan untuk menulis

dan bercakap apa sahaja walaupun menghina agama. Mungkin satu hari nanti dunia akan sampai ke tahap kebebasan mutlak sehingga undang-undang dan nilai-nilai moral tidak diperlukan lagi.

Pencuri akan menuntut hak kebebasan mencuri kerana berusaha mencari kekayaan. Penagih dadah akan menuntut hak kebebasan menagih kerana melepaskan gian. Pelacur akan menuntut hak kebebasan menjual maruah diri dan seterusnya, manusia akan bebas mencela dan mencaci sesiapa sahaja berdasarkan prinsip kebebasan bersuara.

Apakah akan terjadi kepada dunia ini, jika umat Islam juga bertindak balas dengan menuntut kebebasan untuk menghina pihak-pihak lain dan agama mereka? Sudah tentu dunia akan mengalami suasana huru-hara dan kucar kacir yang menyusahkan semua pihak. Tetapi agama Islam tidak mengajar umatnya untuk dihina dan membenci orang lain. Islam juga tidak suka umatnya bertindak balas terhadap pihak-pihak lain yang menghina mereka dan agama mereka dengan perbuatan yang sama.

Marilah wahai umat Islam sekalian, kita bangkit dari lena dan sedar bahawa barat terutamanya Yahudi menggunakan segala peluang dan ruang yang ada untuk memperkotak katikkan kita umat Islam dan menghina agama kita. Semoga kita tidak terpengaruh dengan dakyah-dakyah mereka hingga terlupa dan lalai dari tujuan hidup yang sebenar. Ayuh kita alihkan cinta hakiki kita hanya kepada Allah, nabi dan Islam hingga ke akhir hayat. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 186:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَتُبْلَوْنَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعَنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا وَإِنْ
تَصَبَرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ.

Maksudnya: “Demi sesungguhnya kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mendengar dari orang yang telah diberikan kitab dahulu daripada kamu dan orang yang musyrik; banyak (tuduhan-tuduhan dan

cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu jika kamu bersabar dan bertakwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan Februari 2020)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ
شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ
يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan akhirat. Caranya ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ
اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakilkan kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Institusi masjid juga dapat berperanan memperkasakan ibadah waqaf ini dengan menyumbangkan misalnya 10% hasil dari kutipan Jumaat kepada pihak Majlis Agama Islam pada setiap bulan. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap

kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada nabi (Muhammad SAW) wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا
وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كَبَاوَه
دولي يَغ مها موليا سري قادوك باكيندا يَغ دثرتوان اكوغ ك-انم
بلس، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ المَرْحُومِ
سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدُ شَاهِ المُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وكذلك مولانا تون يَغ
تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج
عباس يَغ دثرتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.